

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(II)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI
YB. H'NG MOOI LYE**

13. Pada Tahun 2017 nelayan yang berdaftar di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menerima bantuan baucar RM400 daripada Kerajaan Pulau Pinang. Ramai nelayan mengadu bahawa harga peralatan yang ditukar dengan baucar itu adalah terlampau tinggi.
- (a) Adakah EXCO Pertanian akan meneruskan bantuan dengan cara ini ataupun akan membuat semakan semula dengan cara lain?

**YB. DR. AFIF BIN BAHARDIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah mengenal pasti tiga buah kedai yang boleh memenuhi dan menampung keperluan nelayan pantai sebagai pembekal dalam program pemberian bantuan nelayan. Berdasarkan kepada makluman yang diterima daripada LKIM, terdapat peralatan seperti pukot yang diimport dari negara jiran di mana kadar tukaran mata wang telah memberi kesan kepada harga semasa yang dijual oleh pembekal.
- (a) Kerajaan Negeri bersama Jabatan/Agensi berkaitan akan meneliti dan mempertimbangkan kaedah/mekanisme terbaik dalam melaksanakan program bantuan kepada nelayan untuk membantu nelayan meningkatkan taraf hidup mereka.